

HIBAH DALAM PERANCANGAN HARTA DAN TAKAFUL

HIBAH IN ESTATE PLANNING AND TAKAFUL

Nurul Natasha Daud¹
Hendon Redzuan²
Rubayah Yakob²

¹Pelajar Sarjana Ekonomi Islam, FEP, UKM

²Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Ekonomi dan Pengurusan, FEP, UKM.

Accepted date: 29 July 2017

Published date: 2 October 2017

To cite this document:

Daud, N. N., Redzuan, H., & Yakob, R. (2017). Hibah Dalam Perancangan Harta Dan Takaful. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*. 2(5), 30-39.

Abstrak: Perancangan harta Islam dan mengurus risiko adalah aspek yang mesti dilaksanakan oleh masyarakat Islam. Umat Islam digalakkan untuk mengumpul harta seterusnya melindungi harta dan mengagihkan harta. Takaful ialah langkah untuk melindungi harta dan merupakan kaedah pengurusan risiko. Hibah ialah satu instrumen yang boleh diaplikasikan untuk perancangan harta Islam. Justeru itu, hibah takaful merupakan satu konsep di mana seseorang menyediakan manfaat takaful untuk diberikan kepada penama yang dikehendaki sekiranya berlaku musibah. Tujuan kajian ini untuk membincangkan bagaimana hibah boleh membantu seseorang dalam membuat perancangan harta. Selain itu, kajian ini juga memberi penjelasan kedudukan penama hibah dalam takaful. Kajian ini memilih sebuah syarikat dari industri takaful yang menggunakan konsep hibah takaful. Penulis menggunakan kaedah kualitatif iaitu kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Hasil kajian ini, penulis mendapati bahawa hibah takaful dapat membantu masyarakat khususnya yang beragama Islam. Konsep ini bertujuan membantu seseorang menyediakan satu dana dan melindungi kewangan setelah ditimpa musibah serta sebagai langkah perancangan pengurusan harta.

Kata Kunci: Hibah, Takaful, Perancangan Harta Islam

Abstract: Islamic estate planning and managing risk is an important aspect that must be implemented by Muslims nowadays. While Muslims are encouraged to accumulate wealth, they must also know how to protect the property and also to distribute wealth. Therefore, Takaful comes as a measure to protect property and as risk management methods. On the other hand, hibah is defined as an instrument that can be applied to Islamic property planning. Therefore, hibah takaful is a concept where a person provides a takaful benefits to be given to the nominee when the required event of a disaster happens. The purpose of this study is to discuss how hibah can help a person to plan on their property especially during the occurrence of the required event of disaster. In addition, this study also explains the position of nominee hibah in takaful. The author uses qualitative methods of library reseach and field studies. From the results of this study, the author was in view that hibah can help people especially muslim in managing their property. This hibah takaful concept inteds to hep person especially muslims to provide

funds and protect their financial as well as a measure of misfortune wealth management planning.

Keywords: *Hibah, Takaful, Islamic Estate Planning*

Pengenalan

Masyarakat Islam harus mengambil berat mengenai pelaksanaan perancangan harta Islam. Malaysia mengalami masalah pembekuan harta yang semakin meningkat saban tahun. Terdapat pelbagai faktor di mana harta tidak dapat diuruskan dengan baik. Kefahaman dan kesedaran dari masyarakat jugak merupakan faktor utama harta tidak diuruskan dan mengambil tempoh masa yang panjang. Permasalahan harta beku ini memberi impak bukan sahaja kepada waris malah turut memberi kesan negatif kepada ekonomi. Islam memberi galakan kepada umatnya untuk mengumpul harta supaya waris yang ditinggal tidak meminta-meminta. Oleh itu, konsep perlindungan harta sebagai langkah mengurus risiko dan perlu dilaksanakan bagi mengelakkan sebarang permasalahan yang berlaku. Mengagihkan harta kepada orang yang dikehendaki tanpa menerima paksaan dari mana-mana pihak adalah langkah supaya tidak berlaku permasalahan harta yang terbiar dan menjadi beku apabila tidak diuruskan.

Apabila seseorang meninggal dunia, semua asset yang ditinggalkan sama ada harta alih atau harta tidak alih akan dibekukan. Harta ini termasuklah jumlah simpanan di bank-bank, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), tabung haji dan lain-lain. Harta-harta yang ditinggalkan oleh pemilik harta mestilah diuruskan mengikut kaedah faraid. Waris-waris yang layak akan menerima bahagian masing-masing seperti yang ditetapkan mengikut syarak. Oleh itu, kerjasama dari pewaris-pewaris amatlah penting bagi memastikan urusan pengagihan harta dapat diuruskan.

Hibah merupakan salah satu instrumen perancangan harta dalam Islam. Walau bagaimanapun, konsep hibah tidak mendapat perhatian dari masyarakat Islam kerana kurang kefahaman mengenainya. Di mahkamah kes-kes yang berlaku berkaitan hibah kebiasaannya berkaitan pengesahan hibah, pertikaian takat atau kadar hibah dan penarikan balik hibah. Di Malaysia, undang-undang khusus berkaitan hibah masih belum wujud. Masih ramai masyarakat Islam di Malaysia yang tidak mengetahui hibah secara asas dan bagaimana pengaplikasiannya dalam aspek pengurusan harta.

Industri takaful telah mula menjadikan hibah sebagai salah satu alat dalam aspek pengagihan manfaat atau pampasan takaful. Akan tetapi, terdapat peserta-peserta takaful yang tidak menyedari akan konsep hibah dalam takaful. Tambahan pula, bagi peserta yang telah mencarum takaful semasa industri takaful di peringkat permulaan, kaedah pelantikan wasi telah diguna pakai terlebih dahulu sebagai pihak yang akan menjadi wakil menguruskan manfaat takaful. Oleh itu, manfaat takaful tersebut mesti melalui konsep faraid seperti mana yang harta-harta lain.

Maka, timbul persoalan:

- i. Bagaimanakah hibah menjadi mekanisme perancangan harta pusaka dan dapat membantu masalah penyelesaian harta beku?
- ii. Bagaimanakah status penama terhadap manfaat pencarum takaful yang menjadikan konsep hibah sebagai pilihan?

iii. Bagaimana aplikasi hibah dilaksanakan dalam produk takaful di Prudential Bsn Takaful?

Tujuan kajian ini dilakukan untuk mengkaji pengaplikasian hibah dalam perancangan dan pengurusan harta. Hibah merupakan instrumen yang paling mudah dan efisien untuk diaplikasikan bagi urusan pengagihan harta. Pemilik harta berhak menghibahkan hartanya kepada orang dikehendaki. Selain itu, pemilik harta dapat membuat perancangan harta semasa hidup dengan memilih konsep hibah. Membuat perancangan sebelum berlaku musibah adalah satu langkah yang dituntut dalam Islam. Hibah takaful memberi peluang kepada peserta untuk melantik penama tanpa paksaan dari pihak lain. Kaedah ini diaplikasikan secara suka rela dan berdasarkan kasih sayang. Kedudukan penama dalam hibah takaful turut dibincangkan dalam kajian ini.

Hibah takaful juga merupakan langkah bagi seseorang menyediakan satu aset dalam manfaat takaful. Penama yang dilantik mempunyai hak ke atas manfaat takaful setelah peserta takaful meninggal dunia. Akan tetapi, sekiranya penama dilantik sebagai wasi, manfaat takaful mesti diuruskan melalui kaedah faraid mengikut kadar yang ditetapkan oleh syarak. Peserta takaful dapat menetapkan kadar yang dikehendaki kepada penama dengan memilih kaedah hibah. Konsep perancangan harta dapat diaplikasikan dengan mencarum ke dalam dana takaful selain daripada mengurus risiko. Syarikat Prudential Bsn Takaful (PruBsn Takaful) turut memberi sokongan kepada konsep hibah takaful. PruBsn Takaful telah menyediakan satu produk di mana khusus untuk peserta takaful menyediakan manfaat takaful kepada penama.

Hasil kajian ini mendapati bahawa konsep hibah sangat bersesuaian untuk diaplikasikan di Malaysia khususnya yang beragama Islam. Pemilik harta boleh merancang untuk mengagihkan hartanya yang dimilikinya kepada pihak yang dikehendaki semasa hidup. Oleh itu, pemilik harta dapat membuat perancangan dengan teliti dan sempurna. Secara tidak langsung, permasalahan harta beku dan harta yang tidak dituntut dapat diselesaikan. Melalui konsep hibah, pemilik harta mempunyai hak untuk menghibahkan kepada yang bukan waris seperti anak angkat dan ibu bapa yang tidak beragama Islam. Melalui kaedah hibah takaful, peserta menyediakan satu dana kecemasan kepada waris terdekat seperti ibu bapa, isteri dan anak-anak sekiranya peserta takaful meninggal dunia. Pengagihan manfaat takaful ini boleh diuruskan dengan mudah tanpa melalui proses faraid. Akta Kewangan Islam 2013, seksyen 142, Jadual 10 menjadi rujukan kepada pengaplikasian hibah takaful. Hibah takaful menggunakan konsep hibah bersyarat yang mana hampir sama dengan hibah ruqba. Kaedah ini dapat membantu menyelesaikan masalah yang berlaku kepada masyarakat Islam di Malaysia.

Pengkaji memfokuskan kepada konsep asas hibah menurut syarak dan menjelaskan kebaikan yang akan diperolehi. Kajian ini akan membantu masyarakat Islam untuk mengaplikasikan konsep hibah dan memberi penjelasan bagaimana hibah dapat diaplikasikan melalui kaedah takaful. Pengkaji turut memberi fokus kepada kepentingan dalam menguruskan dan merancang harta pusaka. Selain itu, kajian ini turut memfokuskan kepada industri takaful yang mana dapat memperluaskan lagi konsep hibah melalui penyerahan manfaat takaful kepada waris yang ditinggalkan oleh peserta.

Penulisan kajian ini dibahagikan kepada empat bahagian: Bahagian pertama adalah pengenalan, bahagian kedua ialah sorotan kajian. Seterusnya di bahagian ketiga mengandungi hasil kajian dan bahagian keempat mengandungi rumusan dan cadangan penulis.

Sorotan Kajian

Hibah dalam perancangan harta Islam

Terdapat pelbagai kaedah yang boleh diguna untuk membuat perancangan semasa hidup antaranya hibah, wasiat, wakaf, sedekah dan nazar (Rusnadewi Abdul Rashid & Nor Hisyam Ahmad 2013). Menurut Muhamad Husni Hasbulah dan Mohd Zaidi Daud (2015) permasalahan yang berlaku di kalangan umat Islam berkaitan dengan pembahagian harta dapat diselesaikan dengan membuat perancangan harta semasa hidup. Hasil kajian yang dilakukan oleh Dr. Akmal Hidayah (2013) instrumen yang boleh diaplikasikan dalam merancang dan mengurus harta adalah wasiat dan hibah. Pelbagai instrumen yang boleh dilaksanakan bagi memastikan harta yang ditinggal sampai kepada orang tersayang iaitu pelaksanaan hibah, wasiat dan faraid (Zafri Ab Halim 2015). Hasil kajian yang dilakukan oleh Mohd Zaidi, Anitha Rosland & Muhamad Husni (2015) membuktikan bahawa perancangan terhadap harta mestilah dilaksanakan oleh setiap individu bagi memenuhi tuntutan Maqasid Syariah dalam aspek memelihara harta dan harta dapat dinikmati secara berterusan.

Kefahaman hibah mestilah dari segi konsep, pengaplikasian, hukum dan pelaksanaan. Berlaku pertikaian di kalangan masyarakat kita apabila si pemberi hibah meninggal dunia dan ini mengakibatkan penyelesaian harta pusaka sukar untuk diselesaikan (Alias et al.2014). Kajian yang dilakukan oleh Wan Suraya (2015) kaedah hibah dapat membantu dan menjamin kestabilan ekonomi pada masa panjang serta merupakan instrumen kewangan Islam yang baik. Selain itu, (Nadzirah Mohd Said & Rum al Jaffri Saad, 2016) turut memberi pendapat bahawa peningkatan masalah harta beku di Malaysia semakin meningkat setiap tahun dan konsep hibah merupakan salah satu instrumen atau kaedah yang baik untuk digunakan bagi menyelesaikan masalah ini. Perkara ini memberi kesan yang negatif kepada ekonomi dan sosial agama Islam di Malaysia.

Abdul Muhaimin Mahmud (2009) memberitahu bahawa melabur dan mengembangkan harta digalakkan dalam Islam dan melarang perbuatan membekukan. Oleh itu, pelbagai instrumen yang boleh digunakan dalam membuat perancangan harta antaranya adalah konsep hibah. Nasib ahli keluarga atau waris akan terpelihara sekiranya kaedah hibah dan wasiat diuruskan mengikut kehendak syarak dan bersistematik (Mohd Zamro Muda 2008). Hibah diaplikasi apabila masalah perwarisan tidak dapat diselesaikan melalui faraid dan wasiat (Azman Ismail 2007). Islam menggalakkan umatnya untuk membuat perancangan harta supaya tiada masalah akan timbul yang mengakibatkan harta yang tidak dituntut dan beku (Nor Azlina et.al 2017). Kajian yang dilakukan oleh Mohd Zamro dan Noor Lizza (2015) menjelaskn kelebihan hibah harta yang mana boleh diserahkan kepada sesiapa yang dikehendaki dan tiada had seperti wasiat dimana tidak boleh melebihi kadar 1/3.

Hibah dalam takaful

Hasil kajian yang dilakukan oleh Ain Najihah (2015) adalah hibah melalui takaful adalah salah satu usaha berkesan dan inisiatif terbaik dalam memastikan sebahagian harta kekayaan individu tersebut. Pengplikasian hibah bersyarat dapat mencapai matlamat asas kepada peserta yang mencarum ke dalam takaful (Mohd Kamil & Jori Tamkin,2017). Majlis Penasihat Syariah (MPS) telah memutuskan bahawa konsep hibah boleh diaplikasi dalam takaful dan peserta takaful mempunyai hak untuk memilih sesiapa sahaja sebagai penama atau pentadbir manfaat

takaful seperti dalam Jadual 5, Akta Perkhidatan Kewangan 2013 (Hakimah Yaacob, 2015). Selain itu, Ariffin Sabirin (2017) menyatakan bahawa pencarum yang memilih konsep benefisiari sebagai penerima hibah tidak wajib untuk mengagihkan manfaat takaful mengikut konsep faraid tertakluk kepada Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Seksyen 2.

Pencarum takaful mempunyai dua pilihan dalam mengagihkan manfaat takaful dengan cara melantik penama sebagai pemegang amanah atau menyerahkan kepada benefisiari sebagai penerima hibah (Mohd Khairy & Suhaili, 2013). Nasrul Hisyam (2010) dalam kajiannya memberitahu bahawa konsep hibah kebanyakan diaplikasikan pada produk Takaful keluarga yang mana manfaat takaful dapat diagihkan kepada penama. Kesimpulan dari kajian Ahmad Basri & Ahmad Fadhi (2015) ialah terdapat dua bentuk bagi serahan hak milik sijil mutlak iaitu hibah dan kafalah. Pihak yang dilantik sebagai penama mendapat hak mutlak dan harta hibah diserahkan semasa hidup (Md Yazid & Ibnor Azli, 2002). Penama yang dilantik adalah seseorang yang akan menerima manfaat takaful apabila peserta takaful meninggal dunia (Azman, 2009). Hibah merupakan langkah peserta takaful dapat memperuntukan manfaat takaful kepada penama sebagai penerima hibah tanpa perlu melalui proses faraid (Nurdianawati & Nazliatul, 2010). Dalam kajian Abdul Rahim & Ahmad Mohsein membuktikan bahawa hibah dalam manfaat takaful dibolehkan kerana tujuan takaful untuk memberi perlindungan dan ia adalah hak peserta takaful.

Hasil Kajian

Konsep hibah dan takaful

Menurut kamus dewan, hibah bermaksud pemberian hak (harta) secara sukarela kepada orang lain dengan tujuan yang baik. Hibah merupakan satu pemberian dari seseorang kepada pihak lain yang dilakukan semasa hidup. Dari aspek syarak, hibah adalah satu keadaan akad oleh pemilik harta kepada seseorang tanpa mengharapkan balasan semasa hidupnya. Hibah merupakan pemberian daripada hak milik seseorang kepada orang lain secara rela hati tanpa mengharapkan balasan dan atas dasar kasih sayang (Nurul Hazira, 2009). Sesuatu pemberian secara langsung kepada seseorang kepada sesiapa yang dikehendaki tanpa balasan dan semasa hidup (Akmal Hidayah, 2013). Hibah, hadiah dan sedekah mempunyai istilah yang hampir sama akan tetapi terdapat tujuan perbezaan (Alias et.al). Sedekah dan hadiah merupakan hibah, akan tetapi tidak semua hibah adalah sedekah dan hadiah (Mohd Zamro, 2008).

Terdapat empat rukun hibah iaitu pemberi hibah (al-Wahib), penerima hibah (Mauhub lahu), harta yang dihibah dan sighth. Al- Wahib ialah pemilik mutlak ke atas harta yang dimiliki dan layak dalam aspek pemberian. Seseorang yang sempurna akal dan baligh. Tiada had dalam kadar pemberian hibah dan boleh dihibahkan kepada orang bukan Islam, akan tetapi tidak melanggar hukum syarak (Mohd Zamro, 2008). Mauhub lahu merupakan seseorang yang terdiri daripada pihak yang sempurna kelayakannya dalam menerima dan mempunyai keupayaan dalam memiliki harta. Sekiranya penerima hibah seseorang yang tidak sempurna kelayakan seperti kanak-kanak maka hibah boleh diserahkan kepada pemegang amanah bagi pihaknya. Penerima hibah sama ada mukalaf atau bukan mukalaf layak menerima hibah (Mohd Zamro, 2008). Harta yang dihibahkan mestilah halal dan mempunyai nilai serta wujud semasa akad berlaku. Harta itu adalah milik pemberi dan boleh diserahkan milik. Harta yang dihibahkan tidak boleh disambung dengan harta pemberi hibah seperti pokok-pokok, tanaman dan bangunan yang tidak termasuk tanah (Mohd Zamro, 2008). Harta daripada institusi kewangan dan mempunyai lindungi takaful boleh dihibahkan dan dipersetujui oleh pemegang gadaian (Nurul

Hazira, 2009). Sighah bermaksud ijab dan qabul semasa akad serah milik harta. Ijab adalah lafaz pemberian dan qabul adalah lafaz pihak yang menerima. Semasa akad hibah dilaksanakan, pemberi hibah dan penerima hibah mestilah melafazkan sighah bersama dua orang saksi dan berada dalam satu sesi yang sama serta menandatangani dokumen sighah (Nurul Hazira, 2009).

Hibah bersyarat terbahagi kepada hibah ruqba dan umra. Hibah al- 'umra bermaksud pemberian semasa hidup penerima dan pemberi dengan meletakkan syarat harta tersebut dikembalikan sekiranya penerima hibah meninggal dunia. Pemberian ini bersifat sementara di mana bergantung kepada hayat penerima atau pemberi harta. Sekiranya berlaku kematian ke atas pemberi hibah, maka harta tersebut mesti dikembalikan semula kepada waris-waris. Hibah al-ruqba ialah pemberian dengan syarat berlaku kematian kepada salah satu pihak sama ada pemberi atau penerima hibah. Pemilikan berlaku setelah salah satu pihak meninggal dunia. Syarat ini menjelaskan bahawa sekiranya pemberi hibah meninggal dunia terlebih dahulu maka harta tersebut menjadi milik penerima. Begitu juga sebaliknya apabila berlaku kematian kepada penerima hibah.

Dr. Zamro memberi penjelasan dari sudut pandangan ulama mengenai hibah al- 'umra dan al-ruqba. Majoriti ulama memberi pendapat bahawa hibah umra dan ruqba adalah sah. Akan tetapi syarat-syarat terbatal. Imam Malik dan Abu Hanifah telah mengharuskan hibah umra. Sebahagian ulama Hanbali, Imam Syafie dan al-Zuhri berpendapat hibah 'umra adalah harus. En. Ahmad Tarmizi memberi pandangan bahawa konsep hibah bersyarat sesuai dipraktikkan di Malaysia bagi menyelesaikan masalah yang berlaku dan bertujuan untuk menjaga maqasid Syariah. Bersesuaian dengan konsep takaful yang berasaskan kepada taawun dan tabaru'. Selain itu, Dr. Zamro Mudo turut menekankan isu berkaitan dengan penerimaan barang hibah (al-Qabd). Syarat bagi al-qabd adalah harta yang hendak dihibahkan tidak bercampur dengan harta pemberi hibah. Selain itu, penerima hibah mestilah mempunyai keahlian yang sempurna. Sekiranya penerima hibah belum sempurna keahlian penerimaan maka wali boleh menerima hibah bagi pihaknya. Penarikan balik hibah boleh berlaku sebelum pelaksanaan al-qabd. Khilaf ulama menyatakan bawah sempurna akad hibah setelah berlaku al-qabd.

Takaful merupakan salah satu medium perancangan kewangan tempoh masa panjang bertujuan melindungi kewangan seseorang yang ditimpa musibah. Mohd Fadzli Yusof (2006) mengurus risiko adalah langkah atau ikhtiar yang dilakukan oleh individu bagi meringankan beban apabila ditimpa musibah. Justeru, ini bukanlah bermaksud menentang takdir atau menolak qada' dan qadar. Takaful adalah langkah pengurusan risiko yang lazim dilaksanakan oleh masyarakat. Konsep tabaru' dalam takaful mendidik masyarakat untuk saling bantu membantu antara satu sama lain sekiranya berlaku musibah ke atas peserta takaful. Peserta takaful juga boleh menyediakan manfaat takaful untuk diberikan kepada orang tersayang sekiranya peserta meninggal dunia. Pencarum boleh membuat pilihan sama ada menggunakan kaedah wasiat atau hibah. Wasi yang dilantik mestilah bertanggungjawab dalam menguruskan harta yang ditinggalkan oleh pemilik harta. Kaedah faraid diaplikasikan untuk mengagihkan harta yang ditinggalkan kepada pewaris-pewaris yang layak. Hibah adalah konsep pemberian dari pemilik harta kepada orang tersayang tanpa mengharapkan balasan dan paksaan dari pihak luar. Peserta takaful yang memilih konsep hibah boleh menghibahkan manfaat atau pampasan yang diterima kepada orang yang dikehendakinya. Oleh itu, matlamat asas takaful untuk seseorang menyediakan dana kecemasan kepada keluarga dapat dicapai.

Hibah dapat membantu sebuah keluarga yang ditimpa musibah meneruskan kelangsungan hidup seperti sedia kala. Kehilangan ketua keluarga memberi impak yang besar kepada ahli

keluarga. Isteri terpaksa menggalas tanggungjawab yang ditinggalkan oleh suami. Terdapat banyak kes-kes yang berlaku di Malaysia dimana isteri terpaksa menanggung beban dengan mencari sumber kewangan bagi melunaskan hutang, pembiayaan pendidikan anak-anak dan perbelanjaan isi rumah. Hibah takaful membantu ketua keluarga dengan menyediakan dana dari manfaat takaful dan melantik isteri sebagai penama. Proses hibah tidak mengambil masa yang panjang dan dapat diselesaikan dengan mudah. Rusnadewi & Nor Hisyam (2013) menyenaraikan kebaikan pemberian harta yang dibuat secara hibah seperti pencarian tidak menjejaskan hak kepada pemberian hibah. Menurut Tuan Haji Rafie, kaedah hibah dapat membantu masyarakat Islam dalam aspek perancangan harta Islam. Hibah takaful ialah satu langkah penyediaan aliran tunai segera untuk sara hidup keluarga sementara harta pusaka dalam proses pengagihan.

En. Ahmad Tarmizi berpendapat bahawa konsep hibah dapat membantu penyelesaian masalah pengagihan secara faraid. Memilih konsep hibah bukanlah bermaksud menentang kaedah faraid yang telah disyariatkan dalam Islam. Akan tetapi sebagai alternatif mengikut corak kehidupan masyarakat. Pengagihan harta melalui faraid tidak dapat diselesaikan dengan segera kerana sikap masyarakat Islam sendiri yang tidak mengambil berat akan kepentingan pengagihan dan pengurusan harta. Timbul isu berlaku ketidakadilan dalam pembahagian faraid kerana kejahilan manusia sendiri yang tidak memahami konsep faraid. Hal ini mengakibatkan, rentetan penyelesaian pengagihan harta semakin rumit.

PruBsn Takaful menyediakan borang khas pelantikan penama untuk manfaat takaful. Bagi membantu masyarakat Islam membuat perancangan harta, satu produk telah dikeluarkan oleh PruBsn Takaful iaitu Pru Warisan. Produk ini memfokuskan kepada pampasan hayat di mana jumlah pampasan serendah RM250 000 sehingga RM4 juta. Caruman bulanan bergantung kepada kadar jumlah yang hendak disediakan, faktor umur, tahap risiko pekerjaan. Peserta takaful boleh membuat pilihan sama ada hendak membuat bayaran bagi tempoh 5 tahun, 10 tahun, 20 tahun atau sehingga tempoh matang. Konsep hibah takaful ini bertujuan membantu peserta takaful membuat persediaan sekiranya berlaku musibah seperti kematian. Selain itu, isu perebutan harta turut dapat dielakkan. Hal ini kerana, penama mendapat hak mutlak sepenuhnya. Waris dapat meneruskan kehidupan seperti biasa sementara menunggu urusan akaun yang dibekukan seperti akaun simpanan, unit amanah, simpanan haji, saham, hartanah dan lain-lain dapat diselesaikan. Secara tidak langsung, waris dapat menyelesaikan hutang seperti pinjaman rumah, kereta kad kredit dan pendidikan. Simpanan pendidikan anak-anak turut terbelak dan perbelanjaan isi rumah dapat diteruskan seperti biasa.

Bagi produk-produk lain yang ditawarkan oleh PruBsn Takaful pada peringkat awal, wasi dilantik sebagai penama. Ejen takaful bertanggungjawab untuk memberitahu kepada peserta-peserta takaful untuk menukarkan kepada konsep hibah untuk memudahkan agihan manfaat takaful. Bagaimana pun, hak diberikan sepenuhnya kepada peserta untuk memilih sama ada wasiat atau hibah. Ejen takaful sentiasa memberi maklumat kepada peserta tentang kebaikan hibah dan cara pelaksanaannya. Borang penama akan diisi oleh peserta yang memilih hibah sebagai penama dan peserta berhak menetapkan kadar mengikut peratus. Hal ini menunjukkan, bahawa peranan yang amat besar oleh ejen takaful untuk menyampaikan kepada peserta tentang agihan manfaat takaful supaya hajat peserta untuk memberikan kepada orang tersayang akan tercapai. Justeru itu, kefahaman tentang hibah takaful dapat diperjelaskan secara tidak langsung.

Hasil kajian menunjukkan konsep hibah dapat membantu mengurangkan masalah harta beku. Harta yang ditinggalkan oleh pemilik harta tidak dapat diuruskan dengan baik tanpa kerjasama

yang diberikan oleh waris. Kesan dari gagal merancang dan mengurus harta akan mengakibatkan isu yang berpanjangan di kalangan masyarakat Islam (Mohd Zaidi, Anitha & Muhamad Husni, 2015). Kesedaran dari masyarakat mengenai perancangan harta masih di tahap rendah. Masyarakat di Malaysia kurang kefahaman mengenai instrumen yang boleh diaplikasikan untuk mengurus dan merancang harta. Konsep hibah kurang mendapat perhatian di kalangan masyarakat. Pemilik harta bukan sahaja boleh menghibahkan kepada waris terdekat, malah boleh menghibahkan kepada baitulmal, NGO berdaftar dan lain-lain. Hal ini kerana, konsep hibah tidak mempunyai had dan kadar yang ditetapkan. Hibah berdasarkan kasih sayang dan kepercayaan dari pemilik harta kepada pihak yang menerima. Wasiat mempunyai kadar dimana tidak boleh melebihi 1/3 daripada harta. Kaedah faraid turut mempunyai kadar agihan yang ditetapkan dan hanya boleh diterima oleh waris-waris yang layak. Kaedah hibah dapat diklasifikasikan sebagai penyelesaian masalah yang efektif dan mudah.

Konsep hibah yang diaplikasikan dalam takaful dapat mencapai tujuan utama pencarum. Menyediakan satu dana kecemasan ketika ditimpa musibah merupakan langkah pengurusan risiko. Penama yang dilantik sebaiknya adalah waris terdekat supaya dapat meneruskan kelangsungan hidup. Selepas peserta takaful meninggal dunia, manfaat takaful dapat diagihkan dengan menggunakan kaedah hibah supaya dapat memberi perlindungan kepada waris terdekat seperti ibu, bapa, isteri dan anak-anak (Nasrul Hisyam, 2010). Hibah takaful dapat membantu peserta takaful menyediakan aset aliran tunai segera kepada waris sekiranya berlaku musibah. Kos pengurusan dana ini juga rendah dan mudah diuruskan. Hibah takaful ini boleh diklasifikasikan sebagai perancangan harta dengan menyediakan aset kepada waris. Hibah yang diuruskan dengan baik dan menepati syarak dapat membela golongan yang berhak (Alias Azhar et.al, 2014).

Rumusan dan Cadangan

Instrumen hibah membantu mengurangkan masalah pembekuan harta yang berlaku di kalangan masyarakat Malaysia. Memilih konsep hibah bukanlah bermaksud menolak kaedah wasiat dan faraid. Akan tetapi ianya membantu masyarakat membuat perancangan dan pengurusan harta yang lebih efisien dan bersesuaian dengan peredaran zaman. Masyarakat harus memahami perbezaan setiap instrumen kewangan kerana perlaksanaannya berbeza. Kefahaman hibah secara asas perlu difahami terlebih dahulu bagi memastikan instrumen ini dapat dilaksanakan dengan sempurna. Setiap instrumen kewangan di Malaysia mempunyai kelebihan dan perbezaan dari segi pelaksanaan. Masyarakat boleh memilih instrumen yang dapat membantu mereka menguruskan harta dan kewangan yang efisien.

Takaful dapat mendidik masyarakat untuk saling bantu membantu apabila ditimpa musibah. Sejumlah pampasan akan diserahkan kepada keluarga yang ditimpa ujian dan musibah terutama kematian, kemalangan dan sakit kritikal. Konsep hibah yang diaplikasikan dalam industri takaful membantu masyarakat untuk menguruskan kewangan dengan lebih baik dan efisien. Selain dari skop pengurusan risiko, hibah takaful memberi kelebihan kepada masyarakat dalam urusan pengurusan harta. Hibah takaful dapat membantu masyarakat menyediakan aset aliran tunai segera.

Hibah bersyarat yang diaplikasikan dalam takaful membantu peserta takaful menyediakan dana dengan mudah dan bernilai. Waris yang ditinggalkan perlu meneruskan kehidupan seperti biasa dan memerlukan kewangan untuk kelangsungan hidup. Firman Allah S.W.T dalam surah yang bermaksud: -

“... dan memberikan harta yang dicintainya kepada kerabatnya, anak-anak yatim, orang-orang miskin, musafir (yang memerlukan pertolongan) dan orang-orang yang meminta-minta dan (memerdekakan) hamba sahaya”

Walau bagaimanapun, penjelasan mengenai konsep hibah mestilah diperluaskan lagi bagi memberi kesedaran kepada masyarakat. Hal ini kerana, masyarakat tidak mempunyai kefahaman yang jelas bagaimana hibah dapat membantu untuk menyelesaikan pengagihan harta. Promosi mengenai hibah perlu giat dijalankan oleh pihak yang terlibat dalam bidang pengurusan harta. Secara tidak langsung, pengaplikasian hibah dapat diperluaskan lagi di kalangan masyarakat Malaysia khususnya yang beragama Islam. Syarikat-syarikat takaful di Malaysia seharusnya mengamalkan konsep hibah bagi memastikan tujuan manfaat takaful tercapai. Industri takaful memainkan peranan yang penting bagi membantu masyarakat membuat persediaan sebelum berlakunya musibah yang tidak dapat dijangka.

Kajian untuk melihat sejauh mana kefahaman masyarakat mengenai hibah perlu dilakukan untuk mengetahui tahap kesedaran dan kefahaman masyarakat mengenai instrumen hibah. Selain itu, masyarakat Islam perlu jelas tujuan utama dalam mengumpul harta dan cara terbaik untuk merancang dan mengurus harta. Kerjasama dari semua pihak yang terlibat memainkan peranan yang penting sama ada dari aspek masyarakat, institusi kewangan, dan para akademik. Usaha bagi menyelesaikan masalah pembekuan harta yang tidak diurus dan dituntut perlu diteruskan demi kebaikan ummah dan ekonomi di Malaysia.

Rujukan

Al- Quran al-Karim

- Abdul Muhaimin Mahmood. 2009. Tuntutan Agama Dalam Membuat Perancangan Harta. *Seminar Perancangan Harta Individu dan Harta Syarikat Islam*. Yayasan Bakti Khidmat Masyarakat Malaysia, KPKMB Management Sdn.Bhd. Ampang.
- Ahmad Basri Ibrahim & Ahmad Fadhil Hamdi Mohd Ali. 2015. Absolute Assingment in Takaful Industry: Shariah Contracts, Issues and Solutions. *Intellectual Discourse* 23: 507-528.
- Ain Najihah. 2014. Hibah Sebagai Mekanisme Agihan Harta Melalui Produk Takaful: Kajian di Syarikat Takaful Ikhlas Sdn Bhd. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alias bin Azhar, Mohamad Azam Hussain, Mohd Hafiz Badarulzaman, Fauziah Mohd Noor. 2014a. *Hibah Komersial: Satu Tinjauan Terhadap Prosedur Dan Amalan di Malaysia*. Universiti Utara Malaysia.
- Alias bin Azhar, Mohamad Azam Hussain, Mohd Hafiz Badarulzaman, Fauziah Mohd Noor. 2014b. Pengurusan Harta Dalam Islam: Perspektif Hibah di Malaysia. *Journal of Human Development and Communication* 3: 115- 128
- Ariffin Sabirin. 2017. Antara Penama Dan Benefesiari Polisi Takaful, Pusaka. Utusan Online.
- Azman bin Ismail. 2007. Perancangan Dan Pengurusan Perwarisan Islam. Amanah Raya Berhad.
- Azman bin Ismail. 2009. Nomination and Hibah Issues in Takaful Industry. *ISRA Shari'ah Conference on Takaful*. Kuala Lumpur.
- Dr. Akmal Hidayah Halim. 2013. Wasiat Dan Hibah: Hukum Dan Prosedur. *Seminar Wanita dan Syariah: Mengurus Harta Bukan Sekadar Merancang Kewangan*. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

- Hakimah Yaacob. 2015. Manfaat Takaful Dihilangkan Berbanding Faraid. Berita Harian.
- Md. Yazid Ahmad & Ibnor Azli Ibrahim. 2002. Amalan Penamaan Harta Orang Islam di Malaysia: Satu Tinjauan Ringkas Menurut Syariah Islamiah. *Jurnal Pengajian Umum* 3: 63- 80
- Mohd Faiz Mohamed Yusof, Nurhanani Romli & Joni Tamkin Borhan. 2016. Praktis Pembayaran Manfaat Takaful Di Malaysia: Implikasi Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. 28 Kanun (2). 191- 213
- Mohd Kamil Ahmad & Joni Tamkin Borhan. 2017. Penggunaan Hibah Bersyarat (Berta'liq) Dalam Masalah Pembahagian Manfaat Takaful: Analisis Hukum. *Jurnal Syariah* 25(1): 51- 74.
- Mohd Khairy Kamarudin & Suhaili Alma'amun. 2013. Implikasi Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 Ke Atas Industri Takaful di Malaysia: Tumpuan Kepada Penamaan dan Hibah Manfaat Takaful. *Regional Seminar on Islamic Higher Educational Institutions*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Zaidi Daud, Anitha Rosland & Muhamad Husni Hasbulah. 2015. Kepentingan Dan Keperluan Perancangan Harta Dalam Islam: Penilaian Menurut Perspektif Maqasid Syariah. *Journal of Muamalat and Islamic Finance Research* 12(2)
- Mohd Zamro bin Muda. 2008. Instrumen Hibah Dan Wasiat: Analisis Hukum dan Aplikasi di Malaysia. *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 3(1): 105- 157.
- Mohd Zamro bin Muda & Noor Liza binti Mohamed Said. 2015. *Signifikan Hibah Sebagai Instrumen Perancangan Harta Orang Islam di Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhamad Husni Hasbulah & Mohd Zaidi Daud. 2015. Perancangan Pembahagian Harta Semasa Hidup Dalam Islam: Konsep dan Kepentingannya. *Journal of Committee on Publication Ethics* 5(1): 119- 131.
- Nadzirah Mohd Said & Ram Al Jaffri Saad. 2016. Determinants of Hibah Giving Behavior. *International Soft Science Conference*. Universiti Utara Malaysia.
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad. 2010. Pemakaian Prinsip Hibah Dalam Sistem Kewangan Islam di Malaysia: Tumpuan Kepada Industri Perbankan Islam dan Takaful. *Jurnal Teknologi* 69- 81.
- Nor Azlina Abd Wahab, Norafifah Ab Hamid, Norajila Che Man, Rawi Nordin. 2017. Faraid Dan Hibah: Persediaan Pencen Hakiki. *5th South East Asia International Islamic Philanthropy Conference 2017 (5th SEAIIPC2017)*. UiTM Melaka.
- Nurdianawati Irwani Abdullah & Nazliatul Aniza Abdul Aziz. 2010. Case Studies of The Practice of Nomination and Hibah by Malaysian Takaful Operators. *ISRA International Journal of Islamic Finance* 2(2): 67-100.
- Rusnadewi Abdul Rashid & Nor Hisyam Ahmad. 2013. *Pengurusan Harta Melalui Hibah: Kepentingan Dan Manfaat Dari Pelbagai Aspek Untuk Kemajuan Ummah*. Jurnal Hadhari. 91-104. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rusnadewi Abdul Rashid & Noor Inayah Yaakub. Masalah Kegagalan dan Kelewatan Pengagihan Harta Pusaka Di Malaysia.
- Wan Suraya Wan Hassin. 2015. Instrumen Hibah Dalam Perancangan Harta Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zafri Ab Halim. 2015. Uruskan Harta Peninggalan Untuk Keluarga. Utusan Online.